

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 17 SEPTEMBER 2015

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Operasi pembenihan awan 3 kawasan berjaya	Berita Harian
2	9 syarikat, 3 individu terima anugerah MCSA	Berita Harian
3	Persidangan Mekanikal UMP perkara bidang kejuruteraan automotif	Berita Harian
4	Tiga hari pembenihan awan berjaya kurangkan jerebu	Utusan Malaysia
5	IPU mula turun	Harian Metro
6	Jerebu: 2,045 sekolah dibuka semula hari ini	Kosmo
7	Kawasan catat IPU tak sihat turun kepada 15 setakat 9 pagi	Sinar Harian
8	Cadangan guna telaga bawah tanah	Kosmo
9	Cloud seeding helps to improve air quality	The Malay Mail
10	Worst of the haze may be over	The Star
11	KL-Jakarta talks to include MoU	The Star
12	1MDB halang e-mel palsu	Utusan Malaysia
13	#MYCYBERSALE returns with more participants	New Straits Times

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 19
TARIKH: 16 SEPTEMBER 2015 (RABU)



Anak kapal C130 bersama kakitangan **Jabatan Meteorologi** menyiapkan tong mengandungi 1500 liter air dan 200kg garam untuk **proses pembenihan hujan** di Pangkalan Udara Subang, Shah Alam, semalam.

(FOTO SURIANIE MOHD HANIE/BH)

Operasi pembenihan awan 3 kawasan berjaya

Kuala Lumpur: Operasi pembenihan awan di utara Selangor, selatan Perak dan barat Pahang yang bermula tengah hari, semalam, berjaya menghasilkan hujan di kawasan sekitar.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Madius Tangau berkata ia menghasilkan hujan di beberapa kawasan berhampiran sempadan Selangor dan Perak, di sempadan utara Selangor dan Pahang serta di sempadan selatan Perak dan Pahang.

Katanya, operasi yang bermula sekitar jam 12 tengah hari itu menggunakan dua pesawat Hercules milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang berpangkalan di Subang, Selangor dan

Kuching, Sarawak.

"MOSTI, melalui Jabatan Meteorologi dengan kerjasama TUDM akan meneruskan operasi ini (pembenihan awan) di kawasan yang masih dilanda jerebu teruk," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Bagaimanapun, operasi sekitar Tebekang di bahagian Samarahan, Balai Ringin dan Pantu di bahagian Sri Aman, Sarawak, gagal menghasilkan hujan berikutan keadaan atmosfera yang kering dan stabil tidak menggalakkan pertumbuhan awan hasil pembenihan operasi.

Sementara itu, setakat jam 7 malam tadi, sebanyak 11 kawasan di Johor, Melaka, Pahang, Sabah

dan Sarawak mencatatkan IPU tidak sihat, dengan yang tertinggi dicatatkan di Kuching dan Samarahan, masing-masing 161.

Di **Kuching**, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata Malaysia bersedia mengerakkan Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) bagi membantu memadamkan kebakaran hutan di Indonesia, sekali gus mengurangkan jerebu.

Katanya, bantuan itu akan ditawarkan kepada rakan sejawatnya dari Indonesia apabila mereka mengadakan pertemuan di Jakarta, pada 25 September ini.

"Kita sedia membantu sejajar dengan perjanjian yang disepakati bersama lima negara lain yang turut terjejas disebabkan jerebu rentas sempadan. Malaysia mempunyai kapasiti mengerakkan anggota bomba serta anggota SMART," katanya.

9 syarikat, 3 individu terima anugerah MCSA

Sembilan syarikat dan tiga individu menerima Anugerah Keselamatan Siber Malaysia (MCSA) daripada CyberSecurity Malaysia berikutan prestasi cemerlang serta sumbangan kepada kesejahteraan industri keselamatan siber tempatan.

MCSA yang juga satu daripada inisiatif CyberSecurity Malaysia untuk pembangunan industri dan pembinaan keupayaan adalah anugerah berprestij dan paling mendapat perhatian syarikat serta profesional dan pengamal keselamatan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah penggerak penting yang akan meningkatkan produktiviti melalui inovasi yang boleh meningkatkan daya saing dan penciptaan kekayaan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan.

Katanya, satu daripada teras utama Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) adalah untuk membangun serta mengukuhkan keupayaan dan kepakaran Malaysia dalam bidang ICT.

Beliau berkata, keselamatan siber dikenal pasti sebagai satu daripada bidang tumpuan teknologi dalam sektor ICT dalam RMKe-11, selain kandungan digital, pembangunan perisian dan ujian, Perkara Internet (IOT), pusat data, perkhidmatan awan dan analisis data yang besar.

Malaysia sebagai pengeluar teknologi

"Kita mahu menggerakkan Malaysia daripada menjadi pengguna teknologi kepada pengeluar teknologi," katanya pada majlis makan malam menghargai penerima anugerah MCSA itu, baru-baru ini.

CyberSecurity Malaysia turut mengumumkan rancangan



"Keselamatan siber dikenal pasti sebagai satu daripada bidang tumpuan teknologi dalam sektor ICT"

Abu Bakar Mohamad Diah,
Timbalan Menteri Sains,
Teknologi dan Inovasi

untuk meningkatkan bilangan pakar keselamatan siber di Malaysia dengan mempercepatkan pembinaan dan pembangunan keupayaan.

Ia menyasarkan untuk mencapai 14,000 pakar keselamatan siber atau nisbah seorang pakar keselamatan siber bagi setiap 1,500 rakyat Malaysia pada tahun 2020 untuk memenuhi permintaan yang melonjak.

Sehingga Ogos 2015, Malaysia mempunyai 4,711 pekerja berpengetahuan dalam keselamatan maklumat.

Pengerusi Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia, Jeneral (B) Tan Sri Panglima Mohd Azumi Mohamed, berkata sebagai tindak balas kepada kekurangan bakat keselamatan siber, Cybersecurity Malaysia baru-baru ini mewujudkan perkongsian strategik dengan beberapa institusi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Fokus utama perkongsian strategik itu ialah dalam bidang Pasukan Respon Kecemasan Komputer (CERTs), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM), Teknologi Tanpa Wayar, Ujian Penembusan, SCADA dan Forensik Digital," katanya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (IPT/ VARIASI) : MUKA SURAT V3
TARIKH: 17 SEPTEMBER 2015 (KHAMIS)



Dr Abu Bakar (dua dari kanan) dan Prof Mashitah bersama-sama wakil industri selepas selesai majlis menandatangani MoU bersempena dengan ICMER di Kuantan, Pahang.

Persidangan Mekanikal UMP perkasa bidang kejuruteraan automotif

Kuantan: Penyelidik bertanggungjawab memastikan produk inovasi mereka dapat dikomersialkan selain berteknologi tinggi.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohammad Diah, berkata kementerian diterajuinya memberi sokongan bagi memastikan hal itu termasuk menerusi penyediaan geran penyelidikan seperti Tabung Sains untuk penghasilan produk penyelidikan baharu mahupun pengetahuan lanjutan selain Tabung Tekno untuk perkembangan teknologi inovasi.

Katanya, penganjuran persidangan yang menemukan pakar dalam bidang tertentu adalah satu lagi pendekatan bagi memastikan pengkomersialan produk inovasi. Usaha itu

berupaya merintis peluang membina jalinan strategik penyelidikan antara industri dengan universiti.

"Penganjuran persidangan seumpama ini oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) ialah inisiatif yang wajar kerana merintis peluang membina kerjasama antara industri dengan universiti," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Antarabangsa Penyelidikan Kejuruteraan Mekanikal (ICMER) yang dianjurkan serentak dengan Pameran Inovasi Kejuruteraan (AiNEX) serta Asia Joint Symposium.

Lebih 200 ahli akademik

Yang turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Mashitah Mohd Yusoff; Dekan

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Prof Madya Dr Rizalman Mamat dan Pengarah Pusat Kejuruteraan Automotif, Dr Abdul Adam Abdullah.

Persidangan dua hari itu menghimpunkan lebih 200 ahli akademik dan pakar bagi membincangkan hala tuju penyelidikan dalam bidang mekanikal dan automotif.

Pada persidangan itu, acara menandatangani memorandum persefahaman bagi jalinan kerjasama akademik dan penyelidikan turut diadakan antara UMP yang diwakili Prof Mashitah dan Contraves Advanced Devices Sdn Bhd yang diwakili oleh Naib Presiden Aerospace & Defence, Burhanuddin Noordin Ali serta Takashi Saeki yang mewakili Yanmar Kota Kinabalu R&D Center Sdn Bhd.



PENOLONG Pegawai Jabatan Meteorologi, Mohd. Khair Hawari (kiri) bersama Pembantu Jabatan Meteorologi Malaysia, Airul Ismail (tiga dari kiri) dan kru pesawat C130 TUDM, Sarjan Mohd. Osman Sareh (dua dari kiri) membancuh bahan pembenihan awan di Pangkalan Udara TUDM Subang, semalam. - UTUSAN/MOHD. AZIM ABD. RAHMAN

Tiga hari pembenihan awan berjaya kurangkan jerebu

KUALA LUMPUR 16 Sept. - Operasi pembenihan awan yang dijalankan Jabatan Meteorologi bersama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) semalam di beberapa kawasan tengah dan selatan Semenanjung serta Sarawak berjaya mengurangkan keadaan jerebu yang melanda negara.

Ketua Seksyen Pembenihan Awan Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan jabatan itu, Kwan Kok Foo berkata, operasi yang dijalankan selama tiga hari tersebut membuahkan hasil apabila hujan berlaku di beberapa kawasan sasaran.

Katanya, pada hari kedua, Jabatan Meteorologi menyasarkan

untuk melakukan operasi pembenihan hujan di beberapa kawasan lain seperti selatan Perak, Selangor dan di barat Pahang.



KWAN KOK FOO

“Pembenihan awan yang dilakukan semalam berhasil dengan hujan di beberapa kawasan sekali gus mengurangkan keadaan jerebu dengan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di beberapa kawasan mencatatkan bacaan baik dan sederhana.

“Mengikut ramalan, angin akan bertukar arah ke Timur esok dan situasi itu akan membantu keadaan jerebu menjadi bertambah baik (pulih),” katanya kepada pemberita ketika mengetahui operasi pembenihan hujan di Pangkalan Udara TUDM Subang di sini hari ini.

Operasi pembenihan awan tiga

hari bermula semalam di beberapa kawasan di Semenanjung dan Sarawak menggunakan dua pesawat Hercules C130 milik TUDM di Subang dan Kuching.

Sementara itu, Kok Foo berkata, proses pembenihan awan yang dijalankan Jabatan Meteorologi melibatkan penggunaan tiga tangki bagi setiap operasi.

Katanya, tangki-tangki tersebut dimuatkan dengan 1,500 liter air yang akan dicampurkan bersama kira-kira 150 hingga 200 kilogram garam.

“Bancuhan bahan-bahan itu kemudiannya akan dibawa menggunakan pesawat Hercules C130 ke kawasan-kawasan tertentu yang mempunyai awan jenis Towering Cumulus dan udara lembab dengan kandungan wap air tinggi untuk dijalankan kerja-kerja pembenihan awan,” ujarnya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 17 SEPTEMBER 2015 (KHAMIS)

Bagaimana pembenihan awan dibuat



IPU MULA TURUN

■ Pembenihan awan sejak kelmarin berhasil

Oleh Mohd Nasif Badruddin
 mnasif@metro.com.my
 Subang

Proses pembenihan awan dijalankan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dengan kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sejak kelmarin mula menampakkan hasil, semalam apabila Indeks Pencemaran Udara (IPU) di kebanyakan kawasan mula menurun di bawah bacaan 100 iaitu sederhana sihat.

Ketua Seksyen Pembenihan Awan Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan, JMM Kwan Kok Foo berkata, operasi pembenihan awan dijalankan tiga hari dan berakhir hari ini dijalankan di beberapa kawasan di Semenanjung menggunakan pesawat Hercules C-130H milik TUDM yang berlepas dari Pangkalan TUDM Subang, di sini.

"Petang semalam (kelmarin) kita melakukan proses pembenihan awan di tiga tempat iaitu Temerloh dan Kuala Lipis, Pahang serta Teluk Intan, Perak dan selepas itu menunjukkan hasil apabila banyak tempat hujan setengah jam.

"Tengah hari ini (sema-

lam), kita teruskan di beberapa kawasan sekitar Selangor, Perak selatan dan Pahang barat sebelum bersambung esok (hari ini)," katanya ketika meninjau operasi proses pembenihan awan di Pangkalan TUDM Subang, di sini, semalam.

Menurutnya, setiap penerbangan untuk pembenihan awan memuatkan tiga tangki berisi 1,500 liter air dicampur dengan 150 hingga 200 kilogram garam setiap tangki sebelum disemur ke dalam awan kumuloid.

Katanya, garam semburan bertindak sebagai nukleus pemeluwapan awan iaitu bahan higroskopik yang mempunyai keupayaan menarik, menyerap dan memegang wap air di dalam atmosfera.

Bellau berkata, proses itu bertujuan mempercepatkan pembentukan titisan air daripada wap air sehingga mencapai saiz yang cukup besar dan berat, akhirnya akan turun sebagai hujan.

"Pembenihan awan dilakukan menunjukkan kesan positif apabila IPU di kebanyakan tempat kurang daripada 100, cuma beberapa tempat seperti Shah Alam melebihi 100," katanya.



PEGAJAWI Jabatan Meteorologi Malaysia mengangkat garam yang digunakan bagi proses pembenihan hujan.



PENOLONG Pegawai Jabatan Meteorologi Malaysia, Mohd Khairi Hawari (kiri) bersama Sarjan Mohd Osman Sareh (tengah) dan Pembantu Jabatan Meteorologi, Airlu Ismail menyipkan tong berisi 1,500 liter air dan 200kg garam.

BACAAN IPU DI BEBERAPA TEMPAT SEMALAM

LOKASI	6 PAGI	T2 TGHARI	6 PETANG
Bandaraya Melaka	83	101	114
Balok Baru, Kuantan	139	122	103
Indera Mahkota, Kuantan	112	96	87
Jerantut	121	98	82
Tawau	tiada	120	110
Bintulu	107	99	92
Kapit	106	117	123
Kuching	152	147	158
Samarahan	154	144	158
Sarikel	145	143	135
Sibu	130	132	129
Sri Aman	178	161	152
Shah Alam	104	106	91
Kemaman	141	121	98
Kuala Terengganu	100	100	83
Paka	132	116	93

0-50 BAIK 51-100 SEDERHANA 101-200 TIDAK SIHAT 201-300 SANGAT TIDAK SIHAT >301 BAHAYA
 Sumber: Laporan dari pejabat Jabatan Meteorologi

ANAK kapal Hercules C-130H bersama kakitangan Jabatan Meteorologi Malaysia menyipkan tong mengandungi 1,500 liter air dan 200kg garam sebelum dimasukkan ke dalam pesawat.



ANAK kapal Hercules C-130H bersedia untuk melakukan penerbangan.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 17
TARIKH: 17 SEPTEMBER 2015 (KHAMIS)**

JEREBU: 2,045 SEKOLAH DIBUKA SEMULA HARI INI



KAKITANGAN Jabatan Meteorologi Malaysia bersama anggota Tentera Udara Diraja Malaysia menyiapkan bahan kimia untuk proses pembenihan awan di Subang, Selangor semalam.

KUALA LUMPUR – Semua 2,045 sekolah di Melaka, Selangor, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang ditutup Selasa lalu akibat keadaan jerebu akan dibuka semula pada hari ini.

Kementerian Pendidikan dalam kenyataannya berkata, keputusan untuk membuka semula sekolah-sekolah tersebut dibuat selepas meneliti bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di negeri-negeri terbabit setakat pukul 4 petang semalam yang semakin baik dan telah menurun melebihi bacaan 150.

“Walau bagaimanapun, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah terlibat hen-



KERATAN Kosmo! 15 September 2015.

daklah terus memantau maklumat bacaan IPU yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh pihak berwajib.

“Semua pihak berkenaan boleh mengambil tindakan sewajarnya di peringkat masing-masing berdasarkan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan iaitu segala aktiviti luar bilik darjah dihentikan apabila bacaan IPU melebihi 150 dan sekolah-sekolah perlu ditutup sekira-

nya bacaannya berada di tahap sangat tidak sihat iaitu melebihi 200,” kata kenyataan itu semalam.

Kementerian Pendidikan juga menasihatkan ibu bapa tidak perlu menghantar anak-anak mereka yang menghadapi masalah kesihatan akibat jerebu ke sekolah namun, perlu memaklukkannya kepada pihak sekolah.

Kosmo! kelmarin melaporkan, kesemua sekolah yang terpaksa ditutup akibat jerebu semakin teruk pada Selasa lalu melibatkan 1.523 juta pelajar akan dibuka semula sekiranya IPU di kawasan terlibat turun di bawah bacaan 150.

Kawasan catat IPU tak sihat turun kepada 15 setakat 9 pagi

KUALA LUMPUR - Keadaan jerebu di seluruh negara setakat 9 pagi semalam, semakin reda apabila hanya 15 kawasan masih mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat, berbanding 18 kawasan malam kelmarin.

Bagaimanapun beberapa kawasan di Sarawak mencatat peningkatan bacaan berbanding malam kelmarin.

Menurut portal Jabatan Alam Sekitar (JAS), Sri Aman mencatatkan bacaan IPU paling tinggi iaitu 171, meningkat daripada 169 malam kelmarin, diikuti Samarahan 147 daripada 140, Kuching 146 daripada 136, Sarikei 145 daripada 143 dan Sibu 132 daripada 121.

Sementara kawasan lain yang mencatat penurunan bacaan IPU termasuk Kemaman, Terengganu dan Balok Baru, Kuantan masing-masing 129.

Kawasan lain yang mencatatkan bacaan IPU tidak sihat ialah Paka (126), Tawau (125), Kapit (112), Jerantut (110), Shah Alam (108), Bintulu (103), Indera Mahkota (102) dan Kuala Terengganu (102).

Sementara itu, beberapa kawasan yang mencatatkan bacaan IPU tidak sihat kelmarin, berubah kepada bacaan sederhana pagi semalam, antaranya Pelabuhan Klang (98), Petaling Jaya (98), Bandaraya Melaka (92),



Seorang penunggang motosikal melintasi lampu isyarat di Jalan Sultan Tengah, Kuching dalam keadaan berjerebu, semalam.

Muar (92), Banting (91), Batu Muda (90), Cheras (89), Pasir Gudang (88), Bukit Rambai (84), Larkin Lama (82) dan Putrajaya (81).

Pembenihan awan oleh Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan, Jabatan Meteorologi Malaysia, selama tiga hari bermula kelmarin diteruskan semalam dengan memfokuskan operasi tersebut di bahagian utara Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Lembah Klang dan Kuching.

Menurut sumber daripada **Jabatan Meteorologi**, perancangan awal pembenihan awan pada hari kedua dijangka dilakukan antara 12

tengah hari dan 2 petang, namun ia bergantung kepada keadaan cuaca dan awan yang sesuai.

Dua pesawat Hercules C130 milik Tentera Udara Diraja Malaysia berpangkalan di Subang dan Kuching digunakan dalam operasi itu.

IPU antara 0 dan 50 dikategorikan baik, 51 hingga 100 adalah sederhana, 101 hingga 200 adalah tidak sihat, 201 hingga 300 adalah sangat tidak sihat dan 300 ke atas adalah berbahaya.

Orang ramai boleh merujuk portal <http://apims.doe.gov.my> untuk mengetahui bacaan IPU semasa.

- Bernama

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 17
TARIKH: 17 SEPTEMBER 2015 (KHAMIS)**

Bagi atasi masalah pembakaran hutan yang mengakibatkan jerebu di Indonesia

CADANGAN GUNA TELAGA BAWAH TANAH

Oleh NOR AZIRAN YUNUS

KUCHING – Malaysia akan mencadangkan kepada Indonesia agar menggunakan teknologi telaga bawah tanah untuk mengatasi masalah pembakaran hutan yang mengakibatkan jerebu teruk di negara itu.

Teknologi telaga bawah tanah sudah lama digunakan untuk mengatasi masalah pembakaran hutan di negara ini terutama di kawasan tanah gambut.



WAN JUNAIDI

Air yang disalurkan dari telaga itu boleh melembapkan tanah kering sekali gus dapat mengelak berlaku pembakaran hutan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, cadangan itu merupakan antara perkara yang akan dibincangkan dengan rakan sejawatannya, Dr. Siti Nurbaya Bakar dalam mesyuarat khas pada 25 September ini.

Katanya, beliau akan berlepas ke Jakarta pada 24 September ini bagi menghadiri mesyuarat untuk membincangkan penyelesaian masalah jerebu.

“Masalah jerebu rentas sempadan yang berpunca dari kawasan pertanian di Indonesia ini merupakan sejarah berulang sejak dahulu disebabkan aktiviti pembakaran hutan untuk tanaman kelapa sawit dan pulpa di negara itu.

“Perbincangan dengan kerajaan Indonesia ini merupakan susulan daripada mesyuarat di peringkat ASEAN melibatkan empat negara iaitu Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand sebelum ini,” katanya di sini semalam.

Sementara itu, pembenihan awan oleh Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan, Jabatan Meteorologi Malaysia selama tiga hari bermula kelmarin diteruskan semalam dengan memfokuskan operasi tersebut di bahagian utara Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Lembah Klang serta bahagian selatan dan barat Sarawak.

INFO Bacaan IPU setakat pukul 5 petang semalam

Lokasi	IPU
Kuching, Sarawak	(155)
Samarahan, Sarawak	(155)
Sri Aman, Sarawak	(154)
Sarikei, Sarawak	(137)
Sibu, Sarawak	(130)
Bandar Raya Melaka	(112)
Kapit, Sabah	(112)
Kemaman, Terengganu	(112)
Tawau, Sabah	(110)
Bukit Rambai, Melaka	(106)
Kuantan, Pahang	(104)
Shah Alam, Selangor	(103)

INFO Indeks IPU

- 0 dan 50 - baik
- 51 hingga 100 - sederhana
- 101 hingga 200 - tidak sihat
- 201 hingga 300 - sangat tidak sihat
- 300 ke atas - berbahaya

Sumber: Jabatan Alam Sekitar



KEADAAN jerebu melanda bandar raya Kuching semalam.

Dua pesawat Hercules C130 milik Tentera Udara Diraja Malaysia berpangkalan di Subang dan Kuching digunakan dalam operasi itu.

Cloud seeding helps to improve air quality



The cloud seeding team loads the saline solution tanks into the aircraft with assistance from the RMAF.
— Picture by Razak Ghazali

By Nurul Huda Jamaluddin
nurulhuda@mmail.com.my

SHAH ALAM — The second day of cloud seeding by the Malaysian Meteorological Department yesterday saw better air quality in several states in the peninsula.

The operation, with the help of the Royal Malaysian Air Force (RMAF), was initiated after an area each in Selangor and Negri Sembilan breached the "very unhealthy" level on the Air Pollutant Index (API) on Monday evening.

Department cloud seeding section head Kwan Kok Foo said the operation had led to rain in the targeted areas.

"Tuesday's operation resulted in downpours in a few areas, including southern Perak, the borders between Selangor and Pahang, Perak and west Pahang," he told reporters at the RMAF airport base in Subang yesterday.

"Most areas recorded 'moderate' to 'good' API readings, except for Shah Alam and certain areas in Pahang."

Three members of the department's

cloud seeding team and seven RMAF crew took off in a Hercules C130 aircraft at 12.30pm yesterday to carry out the operation in Hulu Bernam, Teluk Intan, Kuala Kubu Baru, Bukit Tinggi and Bentong.

Before takeoff, the team prepared three tanks of about 1800L of saline solution.

"We expect the operation to contribute to downpours in several areas in Selangor, southern Perak and western Pahang," Kwan said.

Asked why cloud seeding was not carried out before the air quality reached the "very unhealthy" level, he said the operation was based on department procedure.

"The department started preparing as soon as we observed the API readings breached the 100 mark," he said.

The operation started between 4.10pm and 5.30pm on Tuesday in three areas — Teluk Intan in Perak, and Kuala Lipis and Temerloh in Pahang.

According to the Department of Environment website, 11 areas were in the "unhealthy" category as at 5pm yesterday, including Malacca (112), Bukit Rambai (106), Balok Baru in Kuantan

(104), Kemaman (101) and Tawau (110).

Most areas in Selangor were in the "moderate" category, including Shah Alam with the API reading improving from "unhealthy" to "moderate", while eight areas had "good" readings.

Sarawak recorded the most "unhealthy" readings in six areas — Kapit (122), Sibu (130), Sarikei (137), Sri Aman (154), Kuching and Samarahan (155).

Kwan said the cloud seeding operation in Sarawak only started yesterday as the planned operation on Tuesday was halted because of technical difficulties.

The department had initially planned to carry out the operation in Sarawak for 10 days, but based on weather forecast, it may shorten the duration.

Kwan said the operation in the peninsula will end today.

According to the Asean Specialised Meteorological Centre, four hotspots were detected in Sumatra and 231 in Kalimantan on Tuesday.

Air quality with API readings of 0-50 is categorised as good, 51-100 moderate, 101-200 unhealthy, 201-300 very unhealthy, and 300 and above as hazardous.

Worst of the haze may be over

By RAZAK AHMAD
razak@thestar.com.my

PETALING JAYA: Air quality in most parts of the country saw a big improvement, with the weather authority predicting that the worst of the haze may finally be over.

The number of areas with unhealthy air fell from 34 on Tuesday to 11 as at 5pm yesterday.

Klang Valley residents enjoyed clear skies for the first time in more than a week as all

air pollutant index (API) readings in Putrajaya, Kuala Lumpur and Selangor fell from unhealthy levels to moderate.

Kuala Selangor had the best air quality with an API of 69, followed by Batu Muda in Kuala Lumpur (73), Putrajaya (76), Cheras (81), Petaling Jaya (81), Banting (83), Port Klang (90) and Shah Alam (92).

An API reading of between 100-200 indicates an unhealthy air quality, 201-300 is very

> SEE NEXT PAGE

Air Pollutant Index (As at 8pm, Sept 16)

Alor Setar 31	USM Penang 50	Ipoh 47	Port Klang 80	Kuala Lumpur 81	
Petaling Jaya 89	Nilai 77	Malacca 114	Sarikei 135	Kuching 158	Sri Aman 154
X Unhealthy X Moderate					

More rain expected nationwide

> FROM PREVIOUS PAGE

unhealthy while anything above 300 is hazardous.

An API of below 50 denotes good air quality while a reading of between 51 and 100 is considered moderate.

In a statement, the Natural Resources and Environment Ministry said it expected a reduction in the haze with the onset of the inter-monsoon season that will last until early November.

"During this period, there will be more rain nationwide, especially in the west coast of peninsular Malaysia and western Sabah, and the wind direction will also change," the ministry said.

Despite the overall improvement, several states still had unhealthy air: Sarawak and Malacca, as well as parts of Terengganu, Sabah and Pahang.

Smog from land and forest fires in central and south Sumatra as well as west, central and east Kalimantan caused the thick haze blanketing much of Malaysia for the past two weeks.

The ministry in its statement said cloud seeding by the Meteorological Department that began on Tuesday would continue until today to induce rain in south Perak, west Pahang, the Klang Valley and Negri Sembilan.

"We have so far managed to induce rain at the Pahang-Selangor border, south Perak and several parts of the Klang Valley."



Riding on: A group of cyclists in Jalan Sultan Tengah, Kuching, yesterday. — Bernama

KL-Jakarta talks to include MoU

Steps to tackle haze on the agenda

By SHARON LING and YU JI
newsdesk@thestar.com.my

KUCHING: Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar will meet his Indonesian counterpart in Jakarta next week to discuss measures to tackle transboundary haze.

He said the meeting would include talks on a memorandum of understanding by Malaysia, Indonesia, Singapore, Brunei and Thailand on action to be taken during the occurrence of haze.

"I will discuss what sort of collaboration we can have during the meeting on Sept 25. One area is how we can help Indonesia to put out fires in Kalimantan and Sumatra.

"We realise there are certain obstacles in Indonesia regarding our ability to give assistance. Under Indonesia's federalism, a province has to declare an emergency before the central government can step in to help. Only then can other countries give help, because our agreement is with the central government," he told reporters here yesterday.

As such, he said he would discuss the matter of reducing red tape between the central government and provinces so that other countries could provide aid quickly.

"We have the capability and expertise to help through the Special Malaysia Disaster Assistance and Rescue Team (SMART) and the Fire and Rescue Department," he said.

Dr Wan Junaidi also hoped that Indonesia would take steps to prevent forest fires from occurring, such as by installing tube wells in peat soil areas as Malaysia had done.

"The tube wells will be activated in the dry season to moisten peat soil so that it is less

flammable. When peat soil is dry, it becomes very flammable and the fire is difficult to put out," he said.

More than half of Sarawak was blanketed in thick haze yesterday, with six areas experiencing unhealthy air quality.

At 3pm, the air pollutant index (API) was 151 in Kuching, 150 in Samarahan and 157 in Sri Aman in southern Sarawak. In the central region it was 139 in Sarikei, 131 in Sibu and 120 in Kapit.

Compared with the same time a day ago, almost all the 10 monitoring stations in the state recorded worsening air quality.

The Asean Specialised Meteorological Centre said many areas in Kalimantan were still affected by widespread smoke haze and persistent land fires.

In Pontianak, the closest city to Kuching, the API was reportedly 806 at 1pm.

Satellite images from the Singapore-based centre showed there could still be hundreds of hotspots in Kalimantan.

On Tuesday, the NOAA-18 satellite detected 231 hotspots while the AQUA satellite picked up 518 hotspots.

Both Kalimantan and Sumatra have been at alert level three, which is the most severe, since the start of the month.

According to the Meteorological Department, the dry weather is expected to persist.

In its seasonal report, it forecast 20% to 40% less rain this month in Sarawak compared with the long-term average.

"The moderate El Nino currently experienced is expected to intensify and it may continue until early 2016 with a probability of over 90%," said a weather outlook until February 2016.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 21
TARIKH: 17 SEPTEMBER 2015 (KHAMIS)

1MDB halang e-mel palsu

KUALA LUMPUR 16 Sept. - 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berjaya menghalang percubaan menghantar e-mel palsu yang kononnya daripada syarikat berkenaan.

Menurut 1MDB, kegiatan itu dikesan melalui langkah keselamatan internet syarikat pada 6.30 petang semalam sekali gus mencegah masalah yang mungkin berlaku sekiranya e-mel palsu itu disebar.

"1MDB telah melaporkan insiden terpencil ini kepada polis dan Cybersecurity Malaysia.

"Orang ramai yang menerima e-mel meragukan daripada mana-mana pihak yang mendakwa mereka mewakili 1MDB dinasihatkan menyemak kesahihan alamat e-mel pengirim atau menghubungi kami di talian 03-27308288," kata 1MDB dalam satu kenyataan di sini hari ini.

#MYCYBERSALE returns with more participants

KUALA LUMPUR: #MYCYBERSALE, an initiative to catalyse the growth of e-commerce, returns for the second time and will take place from September 28 to October 2, with more than 400 participating e-tailers.

Multimedia Development Corporation (MDeC) chief executive officer Datuk Yasmin Mahmood said #MYCYBERSALE aimed to increase domestic e-commerce revenue by encouraging small and medium enterprises to be part of the e-commerce ecosystem and generating on-line shopping demand from consumers.

The first #MYCYBERSALE last year generated a revenue of RM67 million from 227,000 transactions, with more than 200 per cent increase in online traffic reported by participating e-tailers.

"Given the great response last year and seeing how #MYCYBERSALE was able to transform consumer lifestyle as well as the way of doing business, this year's event will be bigger and better.

"There are more than 400 e-tailers, including those from outside the Klang Valley, such as from Sabah, Sarawak, Johor, Penang and Negri Sembilan, participating in this event. This is a more than 40 per cent increase in the number of e-tailers compared with last year."

She said popular e-marketplaces such as 11street.my, GEMFIVE, Go Shop, Qoo10 and Agrobazaar had also joined the line-up, along

with Lazada, Zalora, Lelong.my, Rakuten and Groupon.

#MYCYBERSALE is also targeting shoppers from Singapore, Brunei and Indonesia.

"To cater for bigger markets and a longer shopping period, #CYBERSALE is extended to five days, compared with only three days last year," said Yasmin.

She added that said as official promotion partners, Malayan Banking Bhd and Visa would also assist in reaching out to consumers.

"Up to 90 per cent discounts on a wide range of products await shoppers from September 28 to October 5, under the categories of clothes and accessories, home and living, books and media, health and beauty, electronics, travel and more."

Lucky draws will be held throughout the sale period, with prizes worth more than

90pc

**Discounts on a
range of products
during
#MYCYBERSALE**

RM50,000.

MDeC is also introducing the #MYCYBERSALE app, which will be available on Google Play Store and Apple iStore from September 21, to accommodate the growing number of mobile shoppers.

#MYCYBERSALE is endorsed by the Communication and Multimedia Ministry and governed by the Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry, the Malaysian Communications and Multimedia Commission, SME Corp and CyberSecurity Malaysia.